

KWSP tidak dapat beri jaminan kenaikan dividen 2002

~~UM 3 0 OCT 2002~~
KUALA LUMPUR 29 OKT. — Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak dapat memberikan jaminan bahawa akan berlaku peningkatan dalam pemberian dividen kepada para pencarumnya pada tahun ini.

Pengurus Kanan Perhubungan Awamnya, Nik Affendi Jaafar berkata, pemberian dividen bergantung pada pulangan keuntungan daripada pelaburan yang dilakukan manakala keuntungan pula ditentukan oleh beberapa faktor.

“Keuntungan dipengaruhi oleh keadaan pasaran, kadar faedah tetap yang ditawarkan dan persekitaran ekonomi negara,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini, hari ini.

Beliau memberitahu, keputusan lengkap mengenai jumlah keuntungan hanya dapat ditentukan apabila KWSP memperoleh laporan penuh daripada prestasi kewangan membabitkan keempat-empat suku kewangannya pada penghujung tahun ini.

Tambah beliau, KWSP setakat ini hanya melalui dua suku kewangannya sahaja.

Beliau mengulas cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) semalam supaya kadar dividen dinaikkan tahun ini.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata, beliau akan mengusulkan cadangan berkenaan pada mesyuarat Lembaga KWSP akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pula sebelum ini menasihatkan kepada pencarum agar tidak mengharapkan dividen yang tinggi pada tahun ini.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, ekonomi dan pasaran saham dunia belum pulih sepenuhnya.

Laporan suku kedua memperlihatkan KWSP mencatatkan peningkatan jumlah pelaburan daripada RM2,586.08 kepada RM2,900.60.

Pemberian dividen oleh KWSP memperlihatkan penurunan sejak beberapa tahun lalu dengan pemberian 6.84 peratus pada 1999 diikuti enam peratus (20-00) dan lima peratus tahun pada tahun lalu.